

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KE EMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN TEH KOK LIM [TAIPING]

TARIKH : 12 OGOS 2020 (SELASA)

SOALAN

Minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan tahap pencapaian pembekalan daging lembu dan kambing/bebiri tempatan untuk tahun 2017, 2018 dan 2019 dan nyatakan sasaran untuk 10 tahun yang akan datang.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

1. Pengeluaran daging lembu/kerbau dalam negara pada tahun 2017 ialah sebanyak 46,333.1 tan metrik. Pada tahun 2018, pengeluaran daging lembu/kerbau telah meningkat kepada 46,923 tan metrik dan kembali menyusut kepada 45,352 tan metrik pada tahun 2019.
2. Bagi pengeluaran daging kambing/bebiri ialah sebanyak 4,400 tan metrik pada tahun 2017 dan mengalami peningkatan sebanyak 4,433 tan metrik pada tahun 2018 dan menurun pada 2019 kepada 4,309 tan metrik.
3. Kadar Sara Diri (*self sufficiency level, SSL*) daging lembu/kerbau negara berada pada tahap 22.49% pada tahun 2017; 22.88% pada tahun 2018 dan 21.59% pada tahun 2019.
4. Manakala kadar SSL daging kambing/bebiri berada pada 10.23% pada tahun 2017; 10.95% pada tahun 2018 dan 10.02% pada tahun 2019.

5. Pelan Pembangunan Industri Ruminan Negara yang dibangunkan oleh MAFI Melalui Jabatan Perkhidmatan Veterinar adalah untuk meningkatkan pengeluaran dan tahap SSL daging lembu/kerbau dan kambing/bebiri. Kerajaan mensasarkan pengeluaran daging lembu/kerbau mencapai 30% SSL melalui penambahan induk kepada 878,298 ekor dengan pengeluaran sebanyak 50,000 tan metrik. Manakala daging kambing/bebiri mencapai 18% SSL dengan pengeluaran sebanyak 6,000 metrik tan menjelang 2025.
6. Perancangan untuk meningkatkan pengeluaran serta menjamin bekalan makanan negara digariskan dalam Dasar Agromakanan Negara 2.0 (DAN 2.0) yang sedang dalam penelitian akhir, bagi tujuan pembangunan industri ruminan yang mapan menjelang 2030.

Sekian, terima kasih.